

## **Institusi Bomoh Dalam Masyarakat Melayu Menurut Perspektif Islam**

SHUHAIRIMI ABDULLAH

### **ABSTRAK**

*Umumnya, orang Melayu beragama Islam. Namun demikian, tinggalan unsur-unsur kepercayaan seperti animisme, dinamisme Hindu dan Buddha masih lagi mempengaruhi dalam sistem kepercayaan mereka. Islam tidak dapat menghapuskan sepenuhnya unsur kepercayaan tersebut dari pemikiran masyarakat Melayu. Proses "syncretism" berlaku di mana unsur kepercayaan sebelum kehadiran Islam diasimilasikan dengan unsur Islam bersesuaian dengan selera tempatan. Proses ini jelas dapat dikesan dalam ilmu perbomohan Melayu (perubatan tradisional), dan dalam beberapa upacara adat. Meskipun institusi perbomohan dianggap sebagai upacara ritual yang bersifat tradisional berbanding dengan perubatan moden, namun pengaruh bomoh ini masih lagi mendapat tempat dalam masyarakat Melayu. Justeru, penulisan ini cuba mengupas tentang amalan dan pengaruh perbomohan di kalangan masyarakat Melayu pada masa kini dan pandangan Islam terhadap amalan tersebut sama ada ia selari dengan tuntutan Islam atau sebaliknya.*

### **ABSTRAK**

*Malay is typically a Muslim in religion. However, there are still some influences and practices of animism, dynamism, Hinduism and Buddhism that cannot be abolished from their beliefs system. The process of "syncretism" which emerged before and after the presence of Islam has been localized and assimilated into their way of life. This kind of process can clearly be seen in the ritual and traditional practices perform by the Malays who viewed themselves as Muslims. Although these practices are viewed as traditional, the influences, however still has a strong place in the eyes of the Malays. This study aims to explore this interesting issue that has been widely practiced among the Malays and to look at it on the Islamic perspectives.*

### **PENGENALAN**

Institusi perubatan tradisional merupakan satu institusi sosial yang diiktiraf dalam alam masyarakat Melayu. Metodologi perubatan klasik yang diasaskan oleh orang Melayu terdahulu merupakan khazanah warisan klasik yang

masyarakat.

### PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU

Menurut kepercayaan masyarakat Melayu, mereka mempercayai dalam badan manusia ada beberapa unsur penting yang mengawal tubuh badan iaitu, air, tanah, api dan angin. Oleh yang demikian, unsur-unsur yang dinyatakan tersebut perlu kepada keseimbangan supaya tubuh manusia sentiasa dalam keadaan segar dan sihat. Sekiranya berlaku ketidakseimbangan di antara unsur-unsur tersebut mengakibatkan manusia akan menghadapi masalah dalam tubuh badannya dan kemungkinan boleh ditimpa penyakit. Selain unsur-unsur keseimbangan tubuh badan, kuasa alam semulajadi juga dipercayai boleh mengakibatkan sakit demam kepada manusia. Kepercayaan tentang kuasa alam semulajadi mempengaruhi mentaliti masyarakat Melayu. Hanya orang-orang yang mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam bidang perbomohan sahaja yang dapat merungkai dan memberi jawapan penyakit misteri yang dihadapi oleh manusia dan mencipta pelbagai ilmu lain (Rentse, 1931:146). Masyarakat Melayu melihat persoalan alam ghaib merupakan permasalahan yang kompleks yang tidak dapat ditanggapi oleh akal fikiran manusia secara saintifik. Disebabkan kekangan dan keterbatasan manusia untuk menyingkap kewujudan makhluk ini di alam nyata, maka persoalan alam metafizik ini menjadi misteri yang menghantui pemikiran manusia (Syarhan Shafie & Fakhru Ridzha Abd Rahman, 2004:3).

Dalam masyarakat Melayu, perubatan tradisional atau istilah yang lazim digunakan “perubatan kampung” mempunyai nilai-nilai yang tertentu. Secara umumnya bentuk perubatan tradisional berasaskan penyediaan herba dari tumbuh-tumbuhan dan penggunaan jampi sama ada yang menggunakan ayat al-Quran dan petua orang tua-tua. Kaedah penyediaan dan penggunaan ubat-ubat tradisional diwarisi daripada generasi yang sebelumnya. Ia diwarisi secara lisan daripada seorang ayah kepada anak atau dari seorang mahaguru kepada muridnya. Tidak terdapat satu dokumen yang komprehensif tentang pembukuan ilmu bomoh di kalangan pengamal perubatan tradisional. Perubatan tradisional masih lagi mendapat sambutan yang positif di kalangan masyarakat Melayu.

Apa yang menariknya, penyediaan herba-herba dalam perubatan tradisional secara prinsipnya berasaskan tumbuh-tumbuhan yang tidak menggunakan bahan kimia seperti yang diaplikasikan dalam perubatan moden. Khasiat daripada herba amat sesuai untuk tubuh manusia bagi merawat sakit demam. Ia tidak mengandungi unsur-unsur kimia yang boleh mendatangkan kemudharatan kepada tubuh manusia. Malah kos untuk mendapatkan herba lebih rendah kosnya berbanding dengan kos untuk menghasilkan ubat melalui teknik perubatan moden.

memperkayakan korpus pengetahuan tentang selok-belok ilmu perubatan tradisional. Norma-norma yang terkandung dalam ilmu perubatan tradisi yang unik berfaedah kepada generasi pada masa kini dalam membentuk kerangka perubatan Melayu yang bersesuaian dengan ruh syariat.

Umumnya, pengamal perubatan yang mempraktikkan perubatan tradisional dikenali sebagai bomoh, pawang atau dukun, mengikut pengiktirafan yang diberikan oleh masyarakat. Kepakaran seseorang bomoh dalam menyembuhkan sesuatu penyakit bergantung kepada tahap keilmuan, pengalaman atau kebijaksanaan yang dimiliki. Lazimnya, ilmu perubatan tradisional yang dimiliki oleh seseorang diperolehi melalui mimpi, menuntut dan pewarisan serta pengalaman yang diperolehi melalui alam ghaib (*super natural*) (Mohd Taib Osman, 1972: 128).

Dalam sejarah manusia, sekiranya berlaku sebarang bencana yang mengakibatkan wabak penyakit ia sangat membimbangkan manusia. Oleh yang demikian, timbullah usaha-usaha untuk mengatasi masalah tersebut melalui rawatan penyembuhan dengan memohon bantuan daripada kuasa alam yang merangkumi semua benda yang bernyawa dan tidak bernyawa kerana dipercayai mempunyai semangat (Skeat, 1965:75). Masyarakat mempercayai bomoh merupakan individu yang boleh mengharmonikan semula penyakit yang menyerang manusia. Usaha-usaha penyembuhan ini dilakukan dengan kaedah-kaedah tertentu seperti penyembahan, pengorbanan, pemujaan melalui jampi serapah, doa dan mantera-mantera yang khusus. Umumnya, terdapat sedikit perbezaan dari segi terminologi di antara jampi serapah dan mantera. Jampi ialah sejenis mantera yang dibaca untuk tujuan perubatan yang lazimnya dibaca pada ubat, minyak, air dan benda-benda yang lain. Istilah serapah atau "*singelar*" pula dikhususkan untuk mengusir makhluk jahat seperti syaitan, jin dan sebagainya bahkan penggunaanya juga diperluaskan untuk menghalau binatang buas dengan cara sumpahan. Sehubungan dengan itu, masyarakat primitif begitu menghormati seseorang yang mempunyai kuasa penyembuhan terhadap sesuatu penyakit. Manusia yang mempunyai kuasa luar biasa tersebut dianggap individu yang berkebolehan sebagai medium pengantaraan dengan kuasa alam semulajadi "*natural power*".

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan amalan perbomohan yang dipraktikkan dalam masyarakat Melayu dan pandangan Islam terhadap amalan tersebut. Metod kajian yang diaplikasikan dalam penulisan ini lebih cenderung kepada kajian literatur. Di samping itu, skop kajian ini hanya melibatkan aspek-aspek yang tertentu iaitu perubatan tradisi di kalangan pengamal-pengamal perubatan tradisional Melayu yang masih diamalkan sehingga kini dan pandangan Islam terhadap amalan tersebut serta peranan mereka dalam

Masyarakat Melayu beranggapan pengamal perubatan seperti bomoh masih lagi dihormati kerana ilmu dan kemampuan yang dimiliki oleh mereka. Sejak turun-temurun masyarakat meyakini kebolehan bomoh dalam merawat pesakit. Meskipun perubatan moden telah diterima dengan meluas, namun institusi perubatan tradisional masih lagi hidup dan diterima oleh masyarakat umum. Bomoh masih lagi memainkan peranan dalam masyarakat Melayu pada hari ini. Antara peranan bomoh seperti berikut:

#### 1. Penyelesai Masalah

Bomoh dalam masyarakat Melayu bukan sekadar memberikan perkhidmatan tradisional tetapi sebagai tempat rujukan bagi masalah yang dihadapi. Secara tidak langsung, bomoh berperanan sebagai pakar rujuk kepada semua lapisan rakyat. Bagi masyarakat kampung, sekiranya anak kecil menangis ketika waktu senja atau tengah malam maka bomoh sebagai tempat rujuk. Begitu juga dengan masalah-masalah lain seperti kehilangan barang, orang yang sesat dalam hutan, penentuan hari permulaan untuk mendirikan rumah, meminta pendinding diri, meminta air penawar penerang hati, meminta air penawar untuk anak yang nakal, mengurut dan sebagainya. Bomoh juga dipercayai berkebolehan untuk merawat penyakit seperti migrain, histeria, darah tinggi, sakit buah pinggang, lemah tenaga batin, batu karang dan sebagainya.

Dalam bidang perniagaan, terdapat juga sebahagian individu mendapatkan perkhidmatan bomoh untuk mendapatkan “pelaris” bertujuan untuk memajukan perniagaan mereka. Di samping itu, bomoh juga dikunjungi untuk mendapatkan ilmu khusus untuk tujuan peribadi. Ilmu yang dimaksudkan seperti penguat badan, penggerun, penunduk, pemanis, pengasih dan pembenci (Haron Daud, 2004:1-137). Pendek kata, bomoh berfungsi sebagai seorang yang serba boleh.

#### 2. Merawat penyakit misteri

Sistem perubatan tradisional Melayu mempunyai keistimewaan dan keunikannya yang tersendiri dalam merawat penyakit. Dalam mengubati penyakit jasmani, sistem perubatan tradisional adalah sistem perubatan terbaik untuk merawat penyakit jiwa (Ibn al-Qayyim al-Jauziah, 2000: 66). Bahkan perubatan tradisional juga dapat merawat penyakit misteri yang sukar untuk dikesan oleh sistem perubatan moden seperti kerasukan, sihir, gangguan makhluk halus, halusinasi dan sebagainya. Perubatan moden berasaskan kaedah emperikal, pemerhatian dan uji kaji ke atas sesuatu penyakit. Penyakit misteri yang dihadapi oleh seseorang merupakan masalah kompleks untuk dirawat. Perubatan tradisional merupakan kaedah yang terbaik untuk mengubati penyakit misteri (Muhammad Ramzi Omar, 2000: 92-93).

Kos rawatan perubatan tradisional, lazimnya ia bergantung kepada kemampuan pesakit. Ketentuan istilah kos perubatan di kalangan pengamal perubatan tradisional dikenali sebagai "*pengeras*". Meskipun begitu, penyediaan bahan-bahan perubatan perlu disediakan oleh pesakit seperti yang ditentukan oleh bomoh sebelum memulakan upacara perubatan. Kebiasaannya, bomoh menggunakan limau purut untuk merawat pesakit (A.Aziz Bidin & Aishah Muhammad, 1998:180). Dalam pada itu, upah pengeras sama ada rendah atau tinggi bergantung kepada tahap keseriusan pesakit dan tempoh masa yang diambil sepanjang rawatan tersebut (Shuhairimi & Mohd Mizan Aslam, 2005). Keistimewaan perkhidmatan bomoh ini berbanding dengan perkhidmatan perubatan moden, bomoh atau dukun boleh dibawa untuk menziarahi rumah pesakit untuk menjalankan proses rawatan.

Mengikut tradisi perubatan tradisional, setiap pesakit yang menjalani rawatan dan sembuh dari penyakit yang dihidapi dikehendaki berjumpa semula dengan bomoh yang merawatnya. Pesakit yang sembuh itu dikehendaki menjalani upacara yang dikenali sebagai "*pemutus ubat*". Konsep "*pemutus ubat*" dianggap sebagai simbolik iaitu pesakit yang sudah sembuh mengucapkan terima kasih di atas kesudian bomoh tersebut berikhtiar merawatnya sehingga sembuh dan amalan tersebut juga merupakan adab dalam rawatan. Sebagai balasannya, pesakit akan membawa buah tangan yang berupa wang pengeras (upah) dan makanan seperti pulut kuning. Menurut kepercayaan masyarakat Melayu, sekiranya pemutus ubat tidak dilakukan, pesakit tersebut akan ditimpa dengan penyakit yang lebih berat lagi. Perubatan tradisional masih lagi mendapat perhatian di kalangan masyarakat khususnya bagi merawat penyakit disebabkan oleh ilmu hitam. Contohnya, pesakit terkena santau, buatan orang dan ilmu sihir. Kebiasaannya penyakit yang luar biasa ini dirujuk ke hospital dan di samping itu, pesakit tersebut diikhtiar cara kampung dengan cara mendapat bantuan dari bomoh. Kaedah rawatan yang biasa dilaksanakan oleh bomoh menggunakan jampi dari ayat al-Quran dan ramuan herba berasaskan petua orang tua-tua. Tempoh rawatan yang dijalankan bergantung kepada tahap keseriusan pesakit tersebut. Kebiasaannya bagi penyakit yang kronik, bomoh akan merawat pesakit secara berperingkat-peringkat.

Kedinamikan yang ada dalam institusi perubatan tradisional pada hari ini membuktikan bahawa kaedah rawatan ini masih lagi diterimapakai dan diperlukan dalam dunia moden pada hari ini. Metod dan sistem perubatan tradisional mempunyai nilai-nilai saintifik sekiranya dianalisis dan dikaji. Petua-petua dan kaedah rawatan tradisional berdasarkan kepada kaedah pemerhatian tingkahlaku haiwan dalam merawat penyakit dan juga pemerhatian kepada alam semulajadi.

#### **PERANAN PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DI KALANGAN MASYARAKAT MELAYU**

*tawar sekelian alam,  
berkat LailahaiAllah,  
Muhammadur Rasulallah”.*

Dalam merawat pesakit yang diganggu oleh makhluk halus (Haron Daud, 2004: 647), antara mantera yang diamalkan oleh bomoh seperti berikut:

*“Hai jin pelik aku tahu asal engkau mula menjadi selayang angin  
nama bapa engkau,  
selayang bumi nama ibu engkau,  
aku tahu asal engkau mula menjadi saudara yang empat,  
aku tahu asal engkau mula menjadi uri kemuning,  
aku cabut nyawa engkau,  
aku ubah nyawa engkau,  
pusat Tasik Pauh Janggi,  
di sana tempat engkau,  
aku sumpah dengan derhaka pada Allah,  
derhakalah engkau pada aku,  
berkat doa LailahaiAllah.”*

Sekiranya dianalisis jampi yang digunakan dalam merawat pesakit, isi kandungan bacaan yang digunakan mengandungi unsur-unsur anamisme dan pengaruh Islam. Antara istilah-istilah yang ada kaitan dengan unsur Islam seperti “*Muhammad, Allah, LailahaiAllah dan Muhammadur Rasulallah*”. Secara umumnya, berlaku asimilasi unsur-unsur keislaman dengan amalan ritual masyarakat Melayu tradisi yang bersifat animisme (Mohd Nawi Abdullah, 1996: 11-13). Kadang-kadang penggunaan istilah yang digunakan sukar untuk ditafsirkan. Amalan seperti ini berlaku disebabkan pengaruh animisme masih lagi mempengaruhi konsep pandang semesta Melayu walaupun masyarakat Melayu telah menerima pengaruh Islam secara sepenuhnya.

Menurut kajian yang dilakukan oleh (Mohd Taib Osman, 1972: 92) antara ciri-ciri mantera yang digunakan oleh masyarakat Melayu, amalannya banyak membabitkan penglibatan makhluk halus. Di samping itu, isi teks yang dipertuturkan oleh bomoh juga mengandungi konotasi magis yang berkaitan sistem kepercayaan masyarakat (Haron Mat Piah, 1989: 442-443). Jampi yang diamalkan dalam perubatan tradisional bukan satu ungkapan atau ayat biasa yang digunakan oleh masyarakat umum. Perkataan-perkataan yang digunakan dalam upacara pemujaan, proses rawatan dan sebagainya hanya difahami oleh pengamalnya sahaja. Meskipun begitu, kesedaran Islam yang tinggi di kalangan sebahagian besar pengamal perubatan Melayu tradisional memberi implikasi yang positif dalam dunia perubatan Melayu. Amalan jampi yang mengandungi nilai-nilai anamisme amat kurang dipraktikkan hanya sekadar ilmu pengetahuan

Sebahagian besar proses penyembuhan melalui medium perubatan tradisional berasaskan sistem perubatan Islam. Secara umumnya, beberapa potongan ayat al-Quran dan amalan-amalan tertentu digunakan dalam memberi rawatan kepada pesakit (Hanafi Mohamed, 2003: 92-93). Di samping itu, herba-herba juga akan diberikan kepada pesakit untuk memulihkan semula fizikal pesakit agar kelihatan segar dan sihat. Meskipun begitu, bukan semua proses penyembuhan perubatan tradisional mengamalkan rawatan perubatan secara Islam sepenuhnya, ada juga sebahagian pengamal perubatan masih lagi mengamalkan jampi yang mempunyai unsur-unsur dinamisme dan anamisme. Terdapat juga segelintir daripada pengamal perubatan tradisional yang cuba mencampuradukkan amalan perubatan yang bersifat anamisme dengan pengaruh Islam. Sebagai contoh, antara mantera yang diamalkan untuk merawat penyakit gila (Harun Daud, 2004: 603) seperti berikut:

*“Bismillahirrahmanirrahim,  
hu Allah hadini, ahtad tutup,  
ahtad sengkang, dikencing Allah,  
aku ikat dengan doa kata,  
LailahaillAllah, Muhammadur Rasulallah”.*

Bomoh juga mempunyai pengetahuan dalam merawat pesakit yang terkena racun atau santau. Secara saintifiknya, pesakit yang terkena santau sukar untuk dikesan tanda-tanda penyakit melalui kaedah perubatan moden. Terdapat sejenis santau yang boleh menyebabkan mangsa menderita serta merta seperti muntah darah. Santau dikenakan kepada seseorang bertujuan supaya individu tersebut menderita dalam jangka masa yang panjang. Makanan seperti semua jenis limau, nenas, rebung dan cuka begitu sensitif kepada mangsa yang terkena santau. Umumnya, dalam merawat santau bomoh akan meminta kepada mangsa santau menyediakan peralatan seperti, dua helai sejadah, tujuh botol air diambil dari kolam masjid, dua puluh lapan biji limau purut, dua puluh satu biji limau nipis, pisau, pen dan kertas (Syarhan Shafie & Fakhru Ridha Abd Rahman, 2004: 66). Selain daripada peralatan tersebut, bomoh juga akan menjampi mangsa tersebut dengan beberapa potong ayat al-Quran. Terdapat juga di kalangan bomoh menggunakan mantera dalam merawat mangsa santau, bacaan mantera (Haron Daud, 2004: 611) seperti berikut:

*“Aku tahu asalmu racun,  
asal malikal,  
malikul putih,  
Abu khidam bapamu racun,  
Dayang Siti ibumu racun,  
tawar sekalian wujud,  
tawar sekalian bisa,*

tradisional tidak lagi diamalkan. Menurut (Muhammad Nur Effendi, 1997: 133-137) upacara “*menurun*” bertentangan dengan norma syariat Islam. Perbuatan tersebut juga boleh mendorong ke arah perbuatan syirik dan merosakkan aqidah seseorang kerana mempersekutukan Allah.”

4. Berkemahiran dalam penyediaan rawatan berasaskan herba dan mewarisi petua orang-orang terdahulu.

Menurut kajian yang dijalankan (Soforowa, 1982: 1-56) tumbuhan mempunyai keajaiban yang menakjubkan selain sebagai sumber makanan ia juga dikenalpasti sebagai sumber perubatan. Tumbuhan dan galian yang diciptakan oleh Allah (s.w.t.) tersimpan pelbagai rahsia yang masih lagi belum diterokai oleh manusia sepenuhnya.”Semua tumbuh-tumbuhan dan galian yang diciptakan oleh Pencipta Alam dilengkapi dengan khasiat dan keistimewaan yang tersendiri dalam menyembuhkan pelbagai penyakit. Menyedari keistimewaan dan keajaiban yang ada pada sumber-sumber tumbuhan menyebabkan manusia mengeksploitasi sumber alam dalam mencari penawar untuk pelbagai penyakit.

Bomoh mempunyai pengetahuan yang luas tentang proses rawatan penyakit berasaskan herba dan haiwan. Keunikan dan kedinamikan sistem perubatan tradisional berasaskan herba diwarisi secara turun temurun memberi sumbangan yang bermakna dalam bidang farmaseutikal. Kebanyakan pengamal perubatan tradisional dahulu mewarisi secara lisan kepada anaknya atau kepada anak muridnya. Pengetahuan tentang perubatan herba ini mengandungi beberapa pengajaran dan panduan berhubung aspek pemakanan dan adab makan, khasiat-khasiat bahan makanan, penawar dan kaedah-kaedah rawatan tentang sakit demam (Azhari Ibrahim, 2001: 185-196). Bomoh juga mempunyai pengetahuan dalam mengklasifikasikan jenis tumbuhan yang mempunyai racun.

Di samping itu, kaedah rawatan berasaskan herba digabungkan dengan penyembuhan melalui kerohanian yang terdiri daripada amalan ayat-ayat al-Quran dan doa. Dalam proses menyembuhkan penyakit, elemen “*tawakkal*” kepada Allah perlu seiring dengan ikhtiar yang dilakukan dengan harapan penyakit-penyakit atau gangguan yang dihadapi berhenti. Oleh yang demikian, kebiasaannya diperingkat akhir proses rawatan bomoh akan mengucapkan “*insya Allah*” penyakit awak akan sembuh dengan izin Allah dan bukan keistimewaan atau kehebatan ilmu yang dimilikinya. Justeru itu, salah satu prinsip yang tidak boleh diabaikan oleh bomoh dalam memberi rawatan ialah konsep *tawakkal*.

Khazanah perbendaharaan perubatan tradisional berasaskan herba banyak memberi faedah kepada generasi moden dalam membekalkan maklumat berhubung dengan kesihatan manusia. Di sini dijelaskan secara ringkas tentang manfaat dan fungsi herba yang digunakan dalam perubatan tradisi Melayu:

1. Air rebusan akar pokok kemboja (*Plumeraacuminata*) atau air rebusan

dan warisan nenek moyang silam. Ini disebabkan pengaruh nilai-nilai animisme jelas berlaku kontradiksi dengan falsafah syariat Islam.

### 3. Berkomunikasi dengan makhluk halus

Bomoh juga mempunyai keistimewaan untuk berkomunikasi dengan makhluk halus dalam merawat pesakit. Secara umumnya, bomoh akan mengemukakan beberapa soalan ke atas makhluk halus semasa menjalani proses rawatan. Di samping itu, bomoh juga akan mendapatkan maklumat seperti sebab musabab makhluk halus melakukan pencerobohan ke atas pesakit, ada berapa makhluk yang menumpang dalam diri pesakit. Sebelum makhluk tersebut dilepaskan dari badan pesakit, bomoh akan mengadakan perjanjian dengan makhluk tersebut supaya makhluk tersebut tidak lagi mengganggu urusan manusia. Isi perjanjian seperti berikut akan dibaca oleh bomoh dan diikuti oleh makhluk halus yang terdiri daripada kalangan iblis, jin dan syaitan.

*“Aku bersumpah dengan nama Allah bahawa aku akan keluar dari jasad ini dan aku tidak akan datang lagi kepadanya selamanya, serta kepada mana-mana individu muslim yang lain. Sekiranya aku melanggar sumpahku ini, maka layaklah aku menerima laknat dari Allah, para Malaikat dan seluruh manusia. Wahai Tuhanku, sekiranya aku seorang yang benar, maka permudahkanlah aku untuk aku keluar, sekiranya aku seorang penipu, terserahlah tindakan orang-orang mukmin terhadapku. Demi Allah!, Aku bersaksi dan bersumpah dengan apa yang telah aku ucapkan.”* (Syarhan Shafie & Fakhrul Ridzha Abd Rahman, 2004: 72).

Secara saintifiknya, memang sukar untuk dibuktikan secara jelas dan nyata melalui ujikaji bagaimana bomoh boleh berinteraksi dengan makhluk halus. Ilmu ini berbeza dengan metodologi perubatan moden. Ini kerana, makhluk halus dikategorikan dalam dunia ghaib yang tidak dapat dilihat oleh pancaindera manusia biasa. Apa yang didengar oleh pesakit hanyalah suara bomoh. Dalam kes tertentu, kadang-kadang makhluk yang menceroboh badan pesakit berinteraksi dengan menggunakan bahasa yang sukar difahami. Hanya bomoh sahaja yang dapat memahami pertuturan makhluk halus yang mengganggu manusia. Terdapat juga di kalangan bomoh menjalankan upacara “*menurun*” dalam merawat pesakit. Melalui upacara “*menurun*” bomoh akan berinteraksi dengan makhluk halus untuk mendapat jawapan berhubung dengan gejala penyakit dan bagaimana untuk merawat penyakit yang dihadapi. Semasa upacara “*menurun*” dijalankan, makhluk halus akan masuk dalam tubuh bomoh dan makhluk tersebut akan memberi petunjuk dan panduan yang perlu dilaksanakan dalam memberi rawatan. Meskipun begitu, di kalangan pengamal perubatan tradisional Melayu, upacara “*menurun*” dalam perubatan

- i. Pada awal pagi setelah terbit matahari
- ii. Selepas masuk waktu Asar
- iii. Tidur di bawah cahaya matahari walaupun terkena separuh badan

### **PENGARUH BOMOH DALAM MASYARAKAT MELAYU**

Institusi bomoh mempunyai pelbagai pengaruh ke atas masyarakat Melayu, yang di antaranya dibincangkan di bawah ini, iaitu:

#### **1. Sebagai perubatan alternatif**

Pada zaman silam, ilmu perbomohan menjadi ilmu rahsia bagi sesetengah bomoh dan tidak disebar untuk santapan umum. Oleh yang demikian, timbul kesukaran bagi masyarakat umum untuk mengetahui secara terperinci tentang ilmu perbomohan dan pengetahuan farmaseutikal yang dimiliki oleh pengamal perubatan tradisional. Di kalangan masyarakat Melayu, institusi bomoh masih lagi berfungsi dalam memberi perkhidmatan kepada masyarakat. Sebahagian daripada masyarakat lebih cenderung mendapatkan rawatan melalui bomoh bagi penyakit-penyakit yang tidak serius seperti kecederaan pada tubuh badan, pening kepala, air penawar untuk penyakit batu karang, demam campak, dipatuk atau disengat haiwan berbisa, penerang hati, melembutkan hati anak kecil dan pelbagai lagi penyakit.

Di samping itu, masyarakat juga merujuk kepada bomoh bagi merawat penyakit dikategori sebagai misteri yang tidak dapat dikesan oleh perubatan moden. Contohnya, mangsa yang terkena gangguan makhluk halus, bisa santau, sihir dan penyakit rohani lain. Dengan kata lain, kebiasaan istilah yang digunakan oleh masyarakat untuk mendapat rawatan secara tradisional dikatakan sebagai "*ikhtiar secara kampung*". Keperluan dan peranan institusi perbomohan di kalangan masyarakat Melayu masih lagi diperlukan walaupun kaedah yang dipakai bersifat tradisional.

Walaupun masyarakat Melayu secara umumnya cenderung untuk mendapatkan rawatan perubatan moden, namun ia tidak bermaksud institusi perbomohan telah pupus dan bersifat sejarah warisan silam. Malah masyarakat melihat institusi bomoh sebagai perubatan alternatif dan masih lagi diperlukan untuk merawat penyakit di dunia moden. Keunikan yang terdapat perubatan tradisional meyebabkan institusi perbomohan bertahan lama dan bersedia untuk berfungsi dalam dunia teknologi. Perubatan tradisional mempunyai pendekatannya yang tersendiri berbanding dengan perubatan moden. Bomoh dalam perubatan tradisional mencari ikhtiar dalam proses penyembuhan penyakit. Dalam usaha menyembuhkan penyakit, bomoh menyandarkan harapan kepada Allah sebagai kuasa utama dalam menyembuh dan menawarkan

- akar pokok tembikai dipercayai boleh menyembuhkan penyakit aids
2. Air rebusan perdu belimbing tanah (*bilimbi*) atau belimbing bukit dipercayai dapat mengubat penyakit buasir dan penyakit kencing manis
  3. Air perahan lobak merah dan campuran santan pekat dipercayai dapat menghapuskan cacing kerawit
  4. Air rebusan akar pokok beriksa (*Cassianodosa*) dipercayai dapat menyembuhkan penyakit jantung
  5. Getah pokok kemboja dan diletakkan di tempat gigi yang berlubang dipercayai sebagai penawar sakit gigi
  6. Air rebusan daun pokok misai kucing dipercayai dapat menyembuhkan penyakit buah pinggang
  7. Lobak putih dipercayai baik untuk mata
  8. Isi terung kemal dipercayai dapat menyembuhkan penyakit resdung
  9. Buah delima (*Punicaceae*) dipercayai dapat meperelokkan usus, membersihkan bahagian dalam halkum dan sesuai untuk mengubati batuk
  10. Buah kayu bidara (*Zizyphus jujuba*) mempunyai khasiat meningkatkan kecerdasan otak, menghilangkan penyakit kuning dan menghilangkan kahak

Selain daripada herba yang digunakan untuk perubatan, ada juga tumbuhan yang diklasifikasikan sebagai beracun (Norain Mohd Rejab, 2000: 323). Antara tumbuhan tersebut seperti berikut:

1. Pokok Buta-Buta (*Euphorbiaceae*)
2. Pokok Kecumbang (*Solanaceae*)
3. Pokok Tulang-Tulang (*Euphorbiaceae*)
4. Pokok bunga Jepun (*Apocynaceae*)

Di samping itu, ilmu perubatan tradisional kaya dengan panduan kesihatan dan amalan-amalan yang boleh dijadikan petunjuk. Sebahagian daripada amalan kesihatan secara ringkas seperti berikut:

1. Faktor yang boleh menguatkan tenaga tubuh badan antaranya:
  - i. Makan daging
  - ii. Selalu menghidu bau-bauan yang harum
  - iii. Sentiasa memakai pakaian yang diperbuat daripada kapas
  - iv. Mandi dalam keadaan perut stabil, tidak terlalu kenyang atau lapar
2. Waktu dilarang minum air (sebaiknya elak meminum air pada masa berikut):
  - i. Selepas bersenam
  - ii. Selepas makan
  - iii. Ketika sedang makan
  - iv. Selepas makan buah-buahan
  - v. Ketika terjaga dari tidur
3. Waktu dilarang tidur

perbuatan yang menyalahi tuntutan agama dan mengandungi elemen-elemen syirik. Antara mantera, jampi pengikat kasih yang pernah diamalkan bomoh dalam masyarakat Melayu (Haron Daud, 2004:337-361) seperti berikut:

*“Bismillahirrahmanirrahim, segamit hantu segamit,  
sangkut di alur beranjak hantu segamit,  
aku memanggil semangat si anu tu pulang,  
kurseangat pulang balik semangat si anu itu,  
balik sedia kala berkat mengajar aku,  
mustajab pada aku,  
dengan berkat doa LailahailAllah,  
Muhammadur Rasulullah”.*  
*“Hai panah Rajuna,*

*aku pandang bukit,  
bukit runtuh,  
aku pandang hutan,  
hutan terbakar,  
aku pandang laut,  
laut kering, aku pandang padang,  
padang terbakar,  
aku pandang hati perut engkau,  
hancur lebur menjadi air,  
nasi engkau tiada termakan,  
aku tiada terminum,  
berkat ku doa LailahailAllah”.*

Masyarakat Melayu melihat kehadiran bomoh memainkan peranan sebagai individu yang berilmu dalam institusi kekeluargaan. Secara tidak langsung, institusi perbomohan memberi implikasi terhadap asas pembentukan kekeluargaan. Dari aspek positif, bomoh memberikan panduan dan tunjuk cara dalam urusan kehidupan. Contohnya, dalam urusan pra perkahwinan, bakal pengantin akan merujuk kepada bomoh untuk mengetahui perkara-perkara seperti kesesuaian pasangan, tarikh perkahwinan, petua-petua yang berkaitan dengan hubungan suami isteri dan sebagainya. Manakala dari aspek negatif, kesan dari perbomohan telah mengikat mentaliti masyarakat Melayu terlalu yakin dengan pandangan dan panduan bomoh. Sehingga, sesuatu perkahwinan terpaksa dibatalkan atas alasan pasangan tersebut tidak serasi. Tegasnya, amalan seperti ini bertentangan dengan ajaran Islam. Ini kerana, soal jodoh adalah ketentuan daripada Allah dan bukannya ditentukan oleh bomoh. Namun begitu, bukannya semua pandangan dan amalan perbomohan bertentangan dengan ajaran Islam.

### 3. Kepentingan dalam meningkatkan ekonomi

penyakit. Pada pandangan bomoh, usaha dan ikhtiar yang dilakukannya dalam proses penyembuhan adalah di peringkat manusia semata-mata. Sama ada pesakit-pesakit akan sembuh atau sebaliknya hanyalah ditentukan secara mutlak oleh Allah. Malah ada juga penyakit yang tidak berjaya disembuhkan oleh teknologi perubatan moden tetapi berjaya dengan kaedah perubatan tradisional. Masyarakat mempercayai terdapat kekurangan dalam sistem perubatan moden iaitu aspek penyembuhan melalui elemen kerohanian.

Antara faktor lain perubatan tradisional masih lagi mendapat tempat di kalangan masyarakat Melayu disebabkan kos rawatannya rendah berbanding dengan kos rawatan perubatan moden. Sumber perubatan berasaskan herba, haiwan yang jelas tidak mengandungi unsur-unsur dadah yang boleh memberi kesan kepada tubuh badan manusia. Dari sudut yang lain, perubatan tradisional berasaskan perubatan Islam yang berpandukan kepada ketentuan al-Quran dan al-Sunnah (Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah, 2000: 64-65 dan Uthman El Muhammady, 2004: 1-10). Di samping itu, untuk penyakit tertentu, bomoh tidak mengambil masa yang lama untuk merawat pesakit. Berbeza dengan pesakit yang mendapatkan perkhidmatan perubatan moden terpaksa menunggu tempoh masa yang panjang untuk mengetahui keputusan bagi sesuatu penyakit yang dihadapi. Bagi sesetengah kes yang kronik pula, pesakit perlu di bawa ke luar negara untuk mendapatkan rawatan susulan disebabkan hospital tempatan tidak mempunyai teknologi perubatan yang mencukupi untuk merawat penyakit tersebut.

## 2. Kepentingan dalam institusi keluarga

Bomoh mempunyai keistimewaan bukan sahaja merawat sakit demam namun konsep ilmu perbomohan mencakupi hal ehwal kehidupan manusia termasuk dalam soal kekeluargaan. Ilmu perubatan tradisional kaya dengan petua-petua dan amalan jampi untuk mengukuhkan hubungan kekeluargaan. Kebiasaanya, masyarakat Melayu mendapatkan perkhidmatan bomoh untuk mengeratkan hubungan antara suami isteri, ilmu pengasih, ikhtiar untuk cepatkan jodoh, untuk mendapat anak, air penawar untuk melembutkan hati anak yang degil dan sebagainya. Ada juga individu yang datang berjumpa bomoh untuk mendapat pandangan tentang pasangan yang akan dinikahinya. Bagi pasangan suami isteri, mereka juga mendapatkan perkhidmatan bomoh supaya tidak berlaku campurtangan pihak lain yang boleh menjejaskan hubungan rumahtangga. Di samping itu, bomoh juga mempunyai pengetahuan untuk menangkis kejahatan ilmu hitam yang dikategorikan sebagai sihir bertujuan merosakkan keharmonian hubungan kekeluargaan. Amalan sihir tersebut bertentangan dengan ajaran Islam. Sihir boleh memisahkan antara suami dan isteri dan boleh menimbulkan rasa benci antara pasangan tersebut, dan sebagainya (Syarhan Shafie & Fakhrol Ridha Abd Rahman, 2004: 41). Sihir adalah hasil persetujuan antara tukang sihir dan syaitan. Sebagai balasnya, tukang sihir mesti melakukan sebahagian

mereka yang arif dalam bidang ini akan dipanggil untuk mengeluarkan semula “benda” tersebut. Benda yang dimaksudkan adalah seperti tulang anjing, tulang babi atau tangkal yang telah dilukis dengan sesuatu gambar atau rajah.

Dalam bidang pertanian pula ada penggunaan mantera yang biasanya digunakan oleh masyarakat dahulu apabila hendak membuka kawasan yang baru. Mereka akan menggunakan khidmat bomoh atau pawang untuk menentukan hari yang terbaik membuka ladang atau melakukan kerja-kerja pertanian. Kerana ditakuti kawasan yang cuba diterokai itu adalah merupakan kawasan yang telah dihuni oleh makhluk ghaib dan juga bertujuan untuk memuja semangat tanaman (Hose, C. dan McDougall, W, 1996: 17). Berikut disenaraikan antara contoh mantera yang dibacakan oleh bomoh semasa bercucuk tanam padi (Haron Daud, 2004: 853):

*Ekogh loghak si ekogh logam  
Pasang kemian dalam padi  
Lemah lembut kamu pelantui  
Aku nak timang semangat padi*

Dalam sektor perikanan pula, pemilihan hari yang baik dan waktu yang sesuai adalah penting untuk memastikan hasil tangkapan yang banyak. Pelbagai mantera dibacakan oleh bomoh bagi tujuan ini (Haron Daud, 1992: 1-20). Bomoh atau orang yang arif akan dirujuk dalam pemilihan waktu yang sesuai untuk ke laut bagi menangkap ikan. Ia bertujuan untuk mengelak sebarang malapetaka berlaku ketika pergi ke laut. Amatlah ditakuti akan terjadinya sesuatu yang tidak diingini semasa di laut. Malahan suatu masa dahulu penyembahan ancak<sup>1</sup> dilakukan oleh golongan nelayan sekurang-kurangnya setahun sekali. Di samping itu, biasa juga terdapat tangkal atau azimat<sup>2</sup> yang digantung di bahagian hujung kepala bot atau di mana-mana bahagian yang dirasakan perlu dan baik. Tangkal dan azimat seperti *Haikal Jaljalut*<sup>3</sup> digunakan untuk menangkis perkara yang tidak baik seperti sihir dan bencana-bencana alam (Muhammad Nur Efendi, 1997: 10-20). Penyempurnaan meletak tangkal ini akan dilakukan oleh bomoh terutamanya bagi perahu-perahu menangkap ikan atau bot yang baru siap dibina. Upacara menepung tawar<sup>4</sup> juga perlu dilakukan agar perkara yang tidak baik dapat dielakkan semasa aktiviti menangkap ikan dikemudian hari.

Dalam bidang penternakan lazimnya kawasan ternakan akan “dipagar” menggunakan ayat-ayat dan jampi serapah yang dibaca oleh bomoh. Bagi penternak yang menggunakan khidmat ini, mereka akan merasa yakin bahawa kawasan penternakan mereka selamat dari sebarang bentuk gangguan. Apabila binatang ternakan hilang atau dicuri, pengusaha akan berhubung dengan bomoh untuk mencari dan mendapatkan semula binatang ternakan mereka. Walau bagaimanapun, pada masa sekarang amalan tersebut kurang menarik perhatian generasi muda untuk mempercayai kepercayaan tersebut.

Bomoh atau Tok Dukun memainkan peranan penting dalam aktiviti berkaitan ekonomi. Bidang perniagaan adalah antara bidang yang banyak melibatkan peranan bomoh. Masih lagi terdapat di kalangan usahawan Melayu menggunakan perkhidmatan bomoh bertujuan untuk melariskan perniagaan. Sebagai contoh mantera yang digunakan untuk pelaris perniagaan (Haron Daud, 2004:889-890) seperti berikut:

*“Bismillahirrahmanirrahim,  
Wahai koyan mulata di takdir Ilahi,  
Ilahi buat kedai tak jejas,  
Wahai buka dengan andai tu la,  
Allahuakbar.”*  
*“Bismillahirrahmanirrahim,  
Allah kata banyak,  
Muhammad kata lebih Jibrail kata cukup.”*

Manakala dari aspek ekonomi yang lainnya seperti bidang pertanian, perikanan, penternakan dan lain-lain juga terdapat pengaruh perbomohan. Penggunaan ilmu-ilmu dan mantera oleh para bomoh dan kepercayaan mereka terhadap institusi ini telah menjadikan segelintir masyarakat masih mempercayai keupayaan bomoh. Pada masa silam terdapat segelintir masyarakat yang menggunakan ilmu hitam seperti santau atau menanam sesuatu yang akan menyebabkan kedai pesaingnya tidak dikunjungi. Tindakan seperti “*santau*” walaupun kadangkala dilakukan untuk membalas dendam atau kerana perasaan iri hati kepada pesaingnya, tetapi “*santau*” juga boleh mengenai pelanggan. Manakala tindakan seperti menanam sesuatu “*benda*” atau “*barang*” di kawasan perniagaan pesaing pula adalah bertujuan supaya pesaing perniagaan rugi dan tidak dikunjungi oleh pelanggan. Kebiasaannya benda tersebut akan ditanam di hadapan kedai atau di kawasan lalu-lalang pelanggan. Biasanya bomoh atau

<sup>1</sup> Ancak adalah upacara untuk memuja hantu laut yang biasanya diadakan di tepi pantai sewaktu malam. Upacara ini akan disertai oleh masyarakat kampung dan persediaan seperti beras kunyit, andang, ayam golek, upih pinang dan sebagainya diperlukan dalam upacara ini.

<sup>2</sup> Azimat adalah perkataan Arab yang sama maknanya dengan tamimah iaitu kalung batu, benang kuning atau hitam dan sebagainya yang digantung atau dipakai dibadan dan diletakkan ditempat-tempat tertentu dengan tujuan menolak bencana atau gangguan makhluk ghaib.

<sup>3</sup> Haikal Jaljalut adalah selembur kertas bergambar pedang zulfikar yang saling menyilang, di kiri kanannya terpampang dua buah perisai biasanya ditulis dengan nama nabi, malaikat, ashabul kahfi, dan ayat Quran yang ainnya.

<sup>4</sup> Menepung tawar adalah proses untuk mengelakkan bala’ dan bencana. Biasanya dilakukan oleh bomoh dan menggunakan alatan seperti daun tepus, kapur, kunyit dan lain-lain. Air daripada bahan-bahan tadi akan direnjis ke kapal atau bot dan daun tersebut akap diikat dibahagian kapal atau bot.

al-Quran. Firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

Kemudian makanlah dari segala jenis bunga-bunga dan buah-buahan (yang engkau sukai), serta turutlah jalan-jalan peraturan Tuhanmu yang diilhamkan dan dipermudahkan kepadamu”. (Dengan itu) akan keluarlah dari badannya minuman (madu) yang berlainan warnanya, yang mengandungi penawar bagi manusia (dari (pelbagai penyakit). (Surah al-Nahl: 69)

Al-Quran juga menjelaskan kepada Nabi tentang persoalan kesihatan yang berkaitan dengan aspek pemakanan. Firman Allah (s.w.t.) yang bermaksud:

Diharamkan kepada kamu (memakan) bangkai (binatang yang tidak disembelih) dan darah (yang keluar mengalir), dan daging babi (termasuk semuanya), dan binatang-binatang yang disembelih kerana yang lain dari Allah, dan yang mati tercekik, dan mati dipukul, dan mati jatuh dari tempat yang tinggi, dan yang mati ditanduk, dan yang mati dimakan binatang buas, kecuali yang sempat kamu sembelih (sebelum habis nyawanya), dan yang disembelih atas nama berhala; dan diharamkan juga kamu bertenung nasib dengan undi batang anak panah). (Surah al-Maidah: 3)

Pada dasarnya, perubatan secara alamiah terbahagi kepada tiga kaedah. Asas perubatan ini bersandarkan kepada sebuah hadis Nabi (al-Bukhari, 2002: 37) yang bermaksud:

Dari Sa'id bin Jubair, dari Ibn Abbas, dari Nabi (s.a.w.), baginda bersabda yang bermaksud: Penyembuhan (perubatan) terletak kepada tiga cara: minum madu, (goresan) pisau pembekam dan keadah pemanasan dengan api. Dan aku melarang umatku berubat dengan menggunakan kaedah penyembuhan dengan api. (Riwayat Bukhari)

Berdasarkan kepada hadis tersebut, kaedah rawatan bagi penyakit dikategorikan kepada tiga peringkat iaitu:

1. Kaedah menggunakan madu dalam rawatan
2. Kaedah berbekam
3. Kaedah berubat dengan pembakaran dengan api

Meskipun begitu, menurut Abu Abdullah al-Marazi (Ibn al-Qayyim al-Jauziyyah, 2000:49) kaedah ketiga iaitu berubat dengan panas api tidak digalakkan oleh Nabi. Kalimah “ aku melarang umatku menggunakan

## PANDANGAN ISLAM TERHADAP PERUBATAN TRADISIONAL MELAYU

Pada prinsipnya, amalan perbomohan menurut perspektif Islam mestilah didasari dengan sumber-sumber yang pasti sama ada dari al-Quran dan al-Sunnah serta sumber-sumber perundangan yang diiktiraf oleh Islam. Sekiranya berlaku kontradiksi dengan prinsip akidah Islam maka amalan tersebut dianggap terkeluar dari landasan Islam. Sebagai contoh dalam amalan mantera dan jampi serapah, kandungan isi mantera perlu jelas dan terang dan perkataan yang digunakan tidak mengandungi konotasi atau elemen yang mempersekutukan kekuasaan Allah.

Penggunaan perkataan roh, penunggu atau makhluk lain dengan tujuan bersahabat atau meminta bantuan tidak dibenarkan dalam amalan perubatan. Rawatan yang menggunakan bantuan makhluk seperti jin atau umumnya dikenali sebagai syaitan bertentangan dengan prinsip akidah Islam. Amalan *bertaqarrub* (mendekatkan) diri dengan makhluk halus boleh berlaku dalam tiga keadaan (al-Alusi, 1994: 534). Pertama, melalui perkataan seperti jampi yang mengandungi elemen-elemen syirik serta pujian kepada syaitan di atas bantuannya. Kedua, melalui perbuatan seperti menyembah cakerawala, sentiasa dalam keadaan melakukan dosa dan kefasikan. Ketiga, melalui kepercayaan seperti sangkaan baik terhadap amalan yang dilakukan untuk mendekatkan diri kepada syaitan. Justeru itu, bantuan dan harapan hanyalah bersandarkan kepada Allah di samping usaha-usaha yang dilakukan.

Di samping itu, penggunaan ubat-ubatan dalam rawatan tradisional mestilah tidak mengandungi bahan-bahan yang diharamkan oleh syara' (Nazih Hammad, 2004: 135-136). Berubat dengan menggunakan bahan yang diharamkan merupakan satu perbuatan yang keji dari sudut hukum akal dan perspektif syara'. Contohnya, memberi pesakit memakan daging ular, katak bertanduk atau haiwan-haiwan berbisa untuk tujuan penyembuhan. Menggunakan arak dan dicampur dengan ramuan herba-herba yang lain untuk tujuan perubatan. Oleh yang demikian, bomoh perlu memastikan tidak menggunakan bahan-bahan terlarang dalam merawat pesakit. Umumnya asas perubatan Islam yang diwarisi daripada Nabi Muhammad S.A.W diklasifikasikan kepada tiga (Ibn al-Qayyim al-Jauziah, 2000: 47-60) seperti berikut:

1. Perubatan secara alamiah.

Perubatan secara *tabie* tidak bertentangan dengan kehendak syara'. Terdapat juga sebahagian daripada penawar diwahyukan kepada Nabi. Sebagai contoh, keistimewaan madu lebah sebagai penawar kepada penyakit dirakamkan oleh

cenderung kepada perbuatan syirik. Sebagai contoh, ada di kalangan individu berjumpa bomoh untuk mendapatkan pandangan tentang jodoh pilihannya kerana dibimbangi pasangan tersebut tidak akan bahagia. Malah ada yang sanggup berjumpa bomoh untuk menghancurkan kebahagiaan rumah tangga orang lain kerana bermotifkan dendam. Dalam soal ekonomi, individu tertentu mendapatkan bantuan bomoh untuk mendapatkan tangkal atau azimat supaya perniagaannya maju. Terdapat juga di kalangan peniaga mendapatkan *pelaris*, *tangkal* atau *azimat* yang berbentuk angka-angka atau rajah-rajah tertentu bertujuan untuk menarik pelanggan ke premis perniagaannya. Selain itu, ada juga yang mendapatkan khidmat bomoh untuk merosakkan manusia seperti sihir dan santau. Semua amalan ini merosakkan akidah umat Islam dan dilaknat oleh Allah. Islam melarang sebarang bentuk pencerobahan ke atas jiwa manusia. Ini kerana objektif perubahan Islam adalah untuk tujuan kebaikan dan dilarang secara mutlak menggunakan ilmu tersebut untuk tujuan jahat seperti dendam, menakut-nakutkan orang lain atau untuk mendapat keistimewaan di kalangan masyarakat.

Bomoh yang mempunyai ilmu untuk meramal sesuatu perkara dikenali juga dalam masyarakat hari ini dengan istilah ‘orang pintar’, paranormal ataupun tukang ramal nasib yang dipercayai dapat mengetahui nasib seseorang. Sesungguhnya pengetahuan terhadap perkara ghaib adalah termasuk hal yang menjadi rahsia Allah. Tiada sesiapa pun yang mampu mengetahui perkara ghaib. Sesiapa yang berkeyakinan bahawa dirinya atau orang lain boleh menguasai perkara ghaib adalah termasuk dalam perbuatan syirik kerana Allah sahaja yang Maha Mengetahui soal-soal yang menyentuh tentang perkara ghaib.

Dalam al-Quran Allah (s.w.t.) berfirman yang maksudnya:

Katakanlah, “Tidak ada seorangpun di langit dan di bumi yang mengetahui perkara yang ghaib, kecuali Allah”, dan mereka tidak mengetahui bilakah mereka akan dibangkitkan. (Surah al-Naml: 65).

Masyarakat Melayu tidak harus mempercayai atau membenarkan apa yang dikatakan oleh tukang ramal. Ini kerana, sesuatu yang mereka katakan mengenai hal-hal yang ghaib itu hanya didasarkan atas perkiraan belaka, atau dengan cara mendatangkan jin-jin untuk meminta pertolongan kepada jin-jin tersebut sesuai dengan apa yang mereka inginkan. Masalah ini digambarkan oleh Rasulullah (s.a.w.) (al-Muslim, 2002:154-155) dalam hadis yang bermaksud:

Dari Muawiyah bin Hakam al-Sulami (r.a.) katanya dia pernah bertanya kepada Rasulullah! Pada masa jahiliah kami pernah mendatangi tukang tilik. Bagaimana keadaan ini? Jawab

kaedah pembakaran api” menunjukkan bahawa kaedah rawatan dengan cara menggunakan api panas adalah merupakan usaha rawatan yang terakhir dan tidak boleh dilakukan secara terburu-buru. Namun begitu, sekiranya keadaan penyakit tidak dapat disembuhkan melalui kaedah (i) dan (ii), maka jalan terakhir kaedah iii boleh dilaksanakan. Ini kerana, kaedah ini menimbulkan kesakitan kepada pesakit.

2. Perubatan secara *ruqyah* (kerohanian)

Kaedah rawatan yang kedua ini berasaskan doa yang dipetik dari al-Quran dan al-Sunnah. Banyak peristiwa yang menjelaskan tentang keharusan pemakaian *ruqyah* dalam merawat penyakit. Dalam al-Quran, Allah (s.w.t.) berfirman yang bermaksud:

Dan Kami turunkan al-Quran menjadi penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman dan al-Quran itu tidaklah menambah kepada orang-orang yang zalim selain kerugian. (Surah al-Isra': 82)

3. Kombinasi perubatan secara alamiah dengan perubatan berasaskan *ruqyah*.

Kaedah ini juga pernah diamalkan oleh Nabi Muhammad S.A.W dan para sahabat. Keistimewaan yang terdapat dalam perubatan Nabi, sistem ini merupakan ubat yang efektif untuk merawat penyakit kerohanian dan penyakit kejiwaan yang sukar untuk disembuhkan oleh perubatan moden. Ini kerana perubatan Nabi mengandungi rahsia yang bersifat Ilahi dan ianya datang dari Pencipta sekalian makhluk.

Setelah dianalisis sistem perubatan tradisional masyarakat Melayu, kebanyakannya bersumberkan kepada sistem perubatan Nabi. Meskipun begitu, terdapat juga amalan perbomohan di kalangan pengamal perubatan tradisional Melayu masih lagi dipengaruhi dengan amalan nenek moyang yang mempunyai elemen magis. Malah segelintir individu bomoh masih menerima pakai amalan memohon bantuan makhluk halus, roh nenek moyang, roh para wali dan sheikh dalam merawat pesakit. Dalam istilah perbomohan, ketentuan ini dikenali sebagai “bersahabat” atau menggunakan perkhidmatan “*khadam*”. Ia bermaksud, bomoh akan meminta bantuan dari makhluk halus dalam proses penyembuhan atau untuk memudharatkan orang lain. Amalan ini jelas bercanggah dengan Islam (Abdullah Yusuf Azzam, 1996: 175).

Islam juga melarang sebarang bentuk kepercayaan yang mempunyai unsur-unsur khurafat dan tahyul kerana boleh menyebabkan seseorang itu

## KESIMPULAN

Sistem perubatan tradisional Melayu merupakan khazanah warisan perubatan nenek moyang silam yang sangat berharga kepada generasi pada masa kini. Meskipun begitu, realiti yang berlaku pada hari ini, masyarakat Melayu pada masa sekarang lebih selesa untuk mendapatkan rawatan di hospital moden. Namun begitu tidak dinafikan masih lagi terdapat di kalangan masyarakat yang cenderung untuk mendapatkan perkhidmatan bomoh khususnya bagi merawat penyakit-penyakit yang tidak kronik. Dalam konteks perbomohan pula, para pengamal perubatan tradisional perlu berhati-hati dalam memastikan bahawa setiap amalan yang dilakukan untuk merawat pesakit perlu bebas dan suci daripada elemen-elemen yang boleh mengundang kepada unsur-unsur syirik. Di samping itu, para pengamal perubatan tradisional juga perlu mempunyai keikhlasan dalam memberi perkhidmatan mereka kepada masyarakat dan bukannya bersifat materialistik semata-mata serta tidak menyalahgunakan ilmu tersebut ke jalan yang salah. Ini kerana, amalan perbomohan yang masih lagi terikat dengan unsur-unsur animisme dan berpegang kepada adat-adat yang bertentangan dengan falsafah syariat Islam perlu ditolak sama sekali. Amalan tersebut jelas bercanggah dengan etika perubatan Islam. Secara keseluruhannya, didapati majoriti pengamal perubatan tradisional Melayu tidak lagi mengamalkan mantera-mantera yang diwarisi daripada peninggalan orang yang terdahulu sebaliknya mereka cenderung menggunakan pendekatan-pendekatan seperti yang dianjurkan oleh sistem perubatan Islam dalam proses memberi rawatan kepada pesakit.

## RUJUKAN

- A.Aziz Bidin & Aishah Muhammad. 1998. Kegunaan Tumbuh-Tumbuhan. Dlm. Wan Hashim Wan The & Ismail Hamid. *Nilai Budaya Masyarakat Desa: Kajian Etnografi di Wang Kelian Perlis*. (Pnyt.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Yusuf Azzam. 1996. *Akidah Asas Wawasan Ummah*. Terj. Ahmad Nuryadi Asmawi. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Abu Jafar Muhammad b. Jarir al-Tabari. 1968. *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Quran*, Cetakan 3. Juz. 1. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- al-Alusi, Shihab al-Din al-Sayyid Mahmud. 1994. *Ruh al-Ma'ani*. Juz 1. Beirut: Dar al-Fikr.
- Azhari Ibrahim. 2001. *Ubat-Ubatan Tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dar al-Nu'man.
- Bukhari, Muhammad ibn Isma'il. 2002. *Shahih Bukhari-Terjemahan Hadis*. Jil. IV, Singapore: Dar al-Fajr Publishing House

Rasulullah, Jangan! Jangan datang lagi tukang tilik itu. Tanya Muawiyah, Kami percaya kepada suara burung sebagai petanda jahat atau baik. Bagaimana pula keadaan itu. Jawab Rasulullah, itu hanyalah ujian. Maka janganlah keadaan itu sampai menghalang urusan kamu. (Riwayat Muslim).

Berdasarkan hadis ini, bomoh perlu berhati-hati dalam setiap amalan perubatan supaya tidak mengandungi unsur-unsur syirik dan sihir. Dalam masa yang sama individu yang mendapatkan khidmat bomoh berkecenderungan dikira melakukan dosa besar. Kepercayaan yang bersifat mistik menyebabkan masyarakat terpengaruh mengiktiraf keistimewaan yang terdapat pada bomoh sehinggakan boleh memesongkan aqidah mereka. Meskipun begitu, bukan semua amalan perbomohan bertentangan dengan ajaran Islam. Amalan perbomohan yang dibenarkan hendaklah bersih dari unsur-unsur sihir dan amalan khurafat. Sehubungan dengan itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyediakan satu garis panduan atau kod etika yang perlu dipatuhi oleh pengamal perubatan (<http://www.islam.gov.my/e-rujukan/bomoh.htm>) seperti berikut:

1. Tidak menggunakan sihir, ilmu hitam, tilik, tenung nasib, nujum, ramalan tapak tangan, astrologi atau ramalan menggunakan buruj bintang dan silap mata.
2. Tidak mengaitkan pengeras atau bayaran dengan sesuatu dan memintaminta pengeras atau perkhidmatan yang tinggi dan melampau.
3. Tidak percaya kepada fahaman sesuatu boleh membawa sial dan mudharat menimpa seseorang.
4. Tidak melakukan perkara syirik, khurafat dan bida'ah yang keji seperti sembah pantai, sembelih binatang untuk korban dan buang ancak.
5. Tidak menyembelih binatang sebagai korban selain untuk Allah dan bukan untuk tujuan yang bukan syaria'e.
6. Tidak mengamalkan amalan atau bacaan tertentu menggunakan unsur meminta izin serta bantuan daripada makhluk halus sebagai khadam.
7. Tidak menyajikan makanan untuk menjamu penunggu atau jin yang tinggal di sesuatu tempat.
8. Tidak mentaati bomoh atau seseorang pengubat pada sesuatu perkara yang jelas bercanggah dengan akidah dan syariat Islam. Ini kerana matlamat tidak menghalalkan cara. Meskipun bertujuan baik seperti penggunaan *haikal/jaljalut* untuk menangkis serangan musuh, ilmu guna-guna, pencuri, kebakaran jin dan lain-lain. Isi kandungan haikal ini bertentangan akidah seperti mempercayai adanya sesuatu yang dapat memberi manfaat dan menolak bencana.
9. Menolak syarat yang bertentangan dengan akidah, syariah dan akidah Islam.

- Muhammad Ramzi Omar. 2000. *Sihir dan Perkara Berkaitan Dengannya*. Pustaka Ilmi.
- Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri. 2002. *Shahih Muslim*. Terj. Ma'mur Daud. Jil IV, Singapore: Dar al- Fajr Publishing House.
- Nazih Hammad. 2004. *Penggunaan Bahan-Bahan Yang Haram dan Najis dalam Makanan dan Ubat-Ubatan*. Terj. Basri Ibrahim, Dr.. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publisher.
- Norain Mohd Rejab. 2000. *Tanaman Landskap Pokok Renek*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rentse, Anker. 1931. *Kelantan Malay Charms*, dalam. *JMBRAS*. **IX**.(1).
- Shuhairimi Abdullah & Mohd Mizan Mohamad Aslam. 2005. *Pengaruh Institusi Bomoh dalam Masyarakat Kontemporari dilihat dari Perspektif Islam: Satu Kajian di Perlis*. Kertas kerja Seminar Za'ba Mengenai Alam Melayu II, Persepsi Antara Budaya Rumpun Melayu. Hotel Prince & Residence Kuala Lumpur, 21-25 Februari.
- Skeat, W.W. 1965. *Malay Magic*. Singapore: Oxford University Press.
- Soforowa Abayomi. 1982. *Medical Plants and Tradisional Medicine in Africa*, Chochester: John Wiley & Sons.
- Syarhan Shafie & Fakhrul Ridzha Abd Rahman. 2004. *Perubatan Islam Menangkis Kejahatan Makhluq Halus*. Putrajaya: Nusaibah Enterprise.
- Uthman El Muhammady. 2004. Tamadun Islam dalam Perubatan Islam. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Perubatan Menurut Perspektif Islam, Dewan Warisan, Kangar, 18 Mac.

Shuhairimi Abdullah  
Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan  
Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia  
Kedah Darul Aman, Malaysia

- Hanafi Mohamed. 2003. *Doa-Doa Kubra dan Fadhillatnya*. Kuala Lumpur: al- Hidayah.
- Haron Daud. 1992. *Etos Masyarakat: Kajian Berdasarkan Mantera*. Laporan Penyelidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Haron Daud. 2004. *Ulit Mayang Kumpulan Mantera Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Harun Mat Piah. 1989. *Puisi Melayu Tradisional: Satu Perbincangan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hose, Charles & McDougall, William. 1996. *The Pagan Tribes of Borneo*. Frank Cass and Company. Ltd.
- Ibn al-Qayyim al-Jauziah. 2000. *Sistem Pengubatan di Zaman Rasul*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. <http://www.islam.gov.my/e-rujukan/bomoh.htm>
- Mohd Nawi Abdullah. 1996. *Peranan Ajaran Islam dalam Masyarakat Melayu*. Penerbit Albaz.
- Mohd Taib Osman. 1972. Patterns of Supernatural Premises Underlying The Institutions of the Bomoh in Malay Culture dalam *Bijgragen tot De Tool-Landen Vol Kenkunde, Deet 128, II Journal*.
- Mohd. Taib Osman. 1989. *Malay Folk Beliefs: An Integration of Disparate Elements*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nur Effendi. 1997. *Amalan Yang Merosakkan Aqidah*. Klang Book Centre.